



Anwar beramah mesra dengan pelajar pada program UPNM di Kuala Lumpur, semalam.

Aswau midia/on>

'Saya mahu pastikan agihan subsidi adil'

Anwar nafi umpama Robin Hood, ambil hasil golongan kaya beri orang miskin

Oleh **Nor Azizah** Mokhtar dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan dirinya bertindak umpama Robin Hood, yang mengambil hasil daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan, dasar dilaksanakan pentadbirannya ketika ini cuma bertujuan memastikan pengagihan subsidi dilakukan dengan lebih adil, mengambil kira pendapatan seseorang itu.

"Kita tidak mahu mengenakan cukai orang ramai. Jadi kita kenakan cukai yang sedikit dan kita tarik subsidi daripada orang kaya. (Kaedah) itu dilihat (seperti) falsafah ekonomi Robin Hood iaitu ambil daripada yang kaya dan bagi kepada orang miskin.

"Ia (pendekatan dasar Kerajaan MADANI) bukan Robin Hood. Ia tarik subsidi sahaja (daripada orang kaya). Malaysia adalah di antara beberapa negara di dunia yang mempunyai subsidi tertinggi dan kadar cukai rendah.

"Jadi kita berikan subsidi kepada semua orang. Boleh anda bayangkan elektrik sebelum kita laksanakan program rasionalisasi subsidi. Orang kaya di negara ini dapat subsidi.

"Mereka ada 10, 15 (unit) pendingin hawa di rumahnya. Maksud saya ini tidak adil. Adakah kita kenakan cukai tambahan? Tidak. Saya cuma kata anda bayar kos harga (pasaran) dan ja-

ngan terima subsidi. Bagi saya ia adil," katanya dalam program Temu Anwar di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Yang hadir sama, Pengerusi Lembaga UPNM, Tan Sri Dr Syed Azman Syed Ibrahim dan Naib Canselor, Leftenan Jeneral Datuk Mardzuki Muhammad.

Ketika membentangkan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober lalu, Perdana Menteri mengumumkan penyasaran subsidi petrol RON95 bakal dilaksanakan pertengahan 2025 dengan warga asing dan golongan T15 di negara ini perlu membayar mengikut harga pasaran tanpa subsidi.

Jamin tak bebankan rakyat

Dalam melaksanakan langkah itu, Anwar memberi jaminan penyasaran subsidi RON95 tidak

akan membebankan 85 peratus rakyat negara ini, justeru mengingatkan ahli-ahli Parlimen agar tidak menjadi jaguh kepada golongan maha kaya.

Ketika membentangkan cadangan itu, katanya, warga asing dan 15 peratus teratas pengguna maha kaya menikmati 40 peratus subsidi petrol RON95 bernilai RM8 bilion.

Bagi pihak yang mempolitikkan isu berkenaan, Perdana Menteri menegaskan bahawa ia adalah urusan mereka.

Di pihak kerajaan, Anwar menegaskan yang pihaknya akan sedaya upaya untuk meneraju negara ini dengan sebaik mungkin, demi kesejahteraan rakyat.

"Jika mereka ingin jadikan ini isu politik atau katakan kita tidak adil, itu urusan mereka.

"Saya nak beritahu, saya sudah lama bertarung. Insha-Allah kita akan lakukan yang terbaik. Kita akan laksanakan sebaiknya demi selamatkan negara dan selamatkan rakyat terbanyak," katanya.